

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HKN 403 Seminar di dalam Kesusasteraan Nusantara I:
Aspek Teori dan Kritikan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENDUNGKI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Kegagalan pembacaan berujukan (Referential) Barat membuktikan bahawa kriteria-kriteria fakta yang bersifat positivistik tidak penting bagi menentukan kebenaran dalam teks historiografi Melayu. Bicarakan pandangan ini dengan merujuk kepada mekanisme untuk mengawal kebenaran di dalam tradisi naratif Melayu tradisional.
2. Pengaruh orientalisme di kurun ke 19/20 telah dipertegas melalui mekanisme hegemoni budaya dan hegemoni ide-ide Barat mengenai Timur (Hegemony of Western Ideas About the East).

Huraikan kebangkitan fenomena tersebut dengan menghubungkannya kepada pengaruh teori Evolutionary Positivism Taylor dan teori Levi-Strauss tentang pembahagian ras dan mental manusia.

3. Pembacaan retorikal (Maier) yang memanfaatkan kaedah intertekstual, memerlukan pembacaan hikayat dilakukan di dalam satu jalinan hubungan di antara teks, budaya, pengarang dan audien. Huraikan kaedah pembacaan ini dan bincangkan kepentingannya untuk menjelaskan fenomena keselarian dan perulangan di dalam hikayat.

4. Individualism, kebebasan intelek dan skeptisisme merupakan faktor-faktor utama yang bertanggungjawab terhadap kemunculan tradisi kritikan sastera yang sebenar di alam Melayu.

Bincangkan pengaruh literasi Barat dan alat percetakan ke atas masyarakat Melayu sehingga berjaya memecahkan budaya partisipatoris dan memungkinkan munculnya faktor-faktor di atas.

5. Mengikut Teeuw ada dua prinsip universal yang berfungsi dalam kod bahasa sastera iaitu:

[a] prinsip ekuivalensi/kesepadanan

[b] prinsip deviasi/penyimpangan

Dengan merujuk kepada teori Lotman dan hubungannya dengan sistem sastera Melayu tradisional dan moden, bicarakan sejauh manakah prinsip-prinsip tersebut tepat untuk menghuraikan ciri-ciri khas sastera tradisional dan moden.

6. Syahadan di padang itu rumputnya seperti zamrud warnanya. Maka Inderaputera pun datanglah ke padang itu, dan ada suatu bukit terlalu elok rupanya, dan airnya pun mengalir daripada pihak bukit itu terlalu sejuk, dan di bawah bukit itu beberapa pohon kayu berbagai-bagai rupanya, berbagai-bagai jenis warnanya. Kelakian maka didengar oleh Inderaputera bunyinya segala bunyi-bunyi itu seperti seorang bernyanyi. Ada yang seperti orang bersyair dan bermadah dan berpantun. Maka Inderaputera pun berhenti melihat kekayaan Tuhan dan bertambah-tambah yang indah-indah itu ... Maka Inderaputera pun heran melihat yang indah-indah itu. Syahdan maka Inderaputera memandang yang hairan dan ia pun tidurlah dengan berahinya mendengar bunyi-bunyian itu.

(Hikayat Inderaputera)

Berdasarkan petikan di atas huraikan dasar-dasar keindahan dalam sastera Melayu tradisional seperti yang dikemukakan oleh Braginsky dan kemudian bincangkan dasar-dasar tersebut dengan merujuknya kepada konsep-konsep keindahan di dalam tradisi Islam.

7. "Gagasan seperti autonomy of the aesthetic atau experience as the supreme value dalam dunia sastra moden terbit daripada asumsi dasar bahawa manusia adalah autonomous dalam berkebudayaan" (Kamal Hassan)

Perkembangkan pandangan di atas. Dengan berpandukan hujah-hujah utama Affandi Hassan tentang teori-teori Barat moden dan pasca-moden (terutama teori deconstruction), perlihatkan ketidaksesuaiannya teori-teori itu untuk dijadikan acuan perkembangan sastera Melayu.

-oooo000ooo-

RECEIVED BY THE DIRECTOR OF THE BUREAU OF INVESTIGATION
U. S. DEPARTMENT OF JUSTICE
WASHINGTON, D. C. 20535
MAY 15 1964

TO : SAC, NEW YORK
FROM : SAC, PHOENIX
SUBJECT: [Illegible]

[The main body of the document contains several paragraphs of extremely faint, illegible text, likely representing the body of a letter or report.]